

19/06/2002

Terlalu banyak mikrofon

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berseloroh tidak mahu mengeluarkan lesen televisyen kerana terlalu banyak mikrofon dilekatkan pada bajunya sewaktu sidang akhbar.

"Mike bubuh...habis baju saya," katanya yang melekatkan sendiri mikrofon beberapa stesen televisyen tempatan seperti RTM, TV3 dan ntv7 ke bajunya selepas Majlis Taklimat Presiden di bilik sidang akhbar di aras 3 PWTC.

"Kita tak bagi lesen untuk TV lagi, banyak sangat," katanya.

Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob yang berada pada sidang akhbar turut ketawa.

(END)